

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Okttober/November 1995

ZSC 545 - Spektroskopi Keadaan Pepejal

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia kecuali soalan 3.

- 1.(a) Terangkan bagaimana teorem konvolusi digunakan di dalam spektroskopi jelmaan Fourier. (30/100)
  - (b) Bincangkan cara untuk memperolehi spektrum pantulan kuasa di dalam kawasan jalur reststrahlen GaAs serta lukiskan konfigurasi spektrometer yang digunakan. (30/100)
  - (c) Jelaskan kenapa dan bagaimana analisis Kramers-Kronig digunakan di dalam spektrum pantulan kuasa. Tunjukkan juga cara komputasi data. (40/100)
- }
- 2.(a) Terangkan perbezaan utama di antara model ion tegar dengan model petala. (20/100)
  - (b) [i] Jelaskan cara untuk melukis kurva sebaran fonon model 3-dimensi semikonduktor III-V  
[ii] Tandakan 2 contoh lokasi titik genting di dalam lakaran [i] di atas (50/100)
  - (c) Berpandukan kepada suatu kurva sebaran fonon, bincangkan hubungan antara ketumpatan keadaan 1-fonon dengan ketumpatan keadaan 2-fonon dan jelaskan bagaimana analisis serapan 2-fonon dijalankan. (30/100)

- 3(a). Satu bahantara dicirikan oleh satu fungsi dielektrik bersandar frekuensi  $\epsilon(\omega)$ . Daripada persamaan-persamaan Maxwell buktikan bahawa satu gelombang satah dengan komponen-komponen medan bersandar kepada eksp  $(iq.r - i\omega t)$  dapat merambat di dalam bahantara jika

$$q^2 = \epsilon(\omega)\omega^2/c^2 \quad (1) \quad (10/100)$$

- (b) Fungsi dielektrik bagi satu gas elektron bebas dalam bentuk paling mudah diberi sebagai

$$\epsilon(\omega) = 1 - \omega_p^2/\omega^2 \quad (2)$$

dengan  $\omega_p = 2\pi f_p$ , dan  $f_p$  ialah frekuensi plasma. Di dalam bahagian spektrum elektromagnetik manakah  $f_p$  bagi (a) satu logam seperti perak dan (b) satu semikonduktor terdop? (10/100)

- (c) Guna (2) bagi melakarkan graf  $\epsilon(\omega)$  sebagai satu fungsi  $\omega/\omega_p$ . (10/100)
- (d) Seterusnya guna (1) bagi melukis graf sebaran,  $\omega/\omega_p$  lawan  $cq/\omega_p$ . (10/100)
- (e) Terangkan dengan satu perihalan tentang corak medan elektromagnetik apa yang dimaksudkan oleh satu polariton permukaan (SP) pada antaramuka vakum dan satu bahantara sebaran. (10/100)
- (f) Anggapkan bahawa persamaan sebaran polariton permukaan ialah

$$q^2 = \epsilon(\omega) [\epsilon(\omega) + 1]^{-1} (\omega^2/c^2) \quad (3)$$


Tentukan secara tepat julat frekuensi kemunculan SP apabila fungsi dielektrik diberi oleh (2) dan lukiskan graf sebarannya. (20/100)

- (g) Perihalkan prinsip satu eksperimen ATR, dengan membezakan tatarajah Otto dan Raether-Kretschmann, dan terangkan kenapa ATR membolehkan pengesanan SP. (20/100)
- (h) Lakarkan satu spektrum tipikal ATR yang mana SP pada antaramuka perak-vakum dapat dikesan dengan mentakrifkan paksi-paksi anda dengan tepat. Hubungkaitkan spektrum tersebut dengan lengkung sebaran. (10/100)

- 4.(a) Perihalkan komponen-komponen utama cahaya terserak dalam satu ujikaji serakan Raman yang unggul. (20/100)
- (b) Perincikan keuntungan mengukur komponen Stokes dalam ujikaji Raman menerusi teori keratan rentas pembezaan. (30/100)

- (c) Terbitkan persamaan bagi vektor gelombang pengujian dalam serakan Raman dan tunjukkan bahawa pengujian tersebut berada di pusat zon Brillouin.  
(30/100)
- (d) Perihalkan dengan jelas (termasuk bentuk spektrum cahaya terseraknya) dua (2) pengujian yang disenaraikan di bawah:
- [i] fonon tertib kedua
  - [ii] polariton
  - [iii] magnon
  - [iv] plasmon
- (20/100)

- 5.(a) Rajah di bawah menunjukkan spektrum pancaran daripada Si yang diuja secara optik pada suhu 25 K. Lengkung putus mewakili Si tulen manakala lengkung penuh mewakili Si yang didop dengan  $8 \times 10^{16}$  bendasing As se cc. Daripada J.R. Haynes, Phys. Rev. Lett., 4, 361 (1960).



Perihalkan dengan jelas proses-proses pancaran foton bagi spektrum pancaran tersebut

(30/100)

....4

(b) Bincangkan peranan bendasing Cu, Al, I dan In di dalam spektrum fotoluminesens ZnS apabila diuja dengan cahaya ultra lembayung. (20/100)

(c) [i] Terbitkan keamatan pancaran termoluminesens kinetik molekul (Tertib Pertama)

$$I = n_{t_0} s \exp\left(-\frac{E}{k_B T}\right) \exp\left[-\int_{T_0}^T \frac{s}{\beta} \exp\left(-\frac{E}{k_B T}\right) dT\right]$$

dengan

$n_{t_0}$  ialah bilangan elektron yang terperangkap pada suhu  $T_0$ .

$s$  ialah pekali kebarangkalian lepasan,

$E$  ialah kedalaman paras perangkap di bahagian bawah jalur konduksi dan

$\beta = \frac{dT}{dt}$  ialah kadar pemanasan malar.

[ii] Bincangkan kelakuan persamaan di atas pada suhu rendah, pertengahan dan tinggi.

[iii] Terbitkan persamaan bagi kedalaman perangkap  $E$  menerusi syarat bagi keamatan maksimum.

(50/100)

....5

Terjemahan

- 3.(a) A medium is characterised by a frequency-dependent dielectric function  $\epsilon(\omega)$ . Prove from Maxwell's equations that a plane wave with field components proportional to  $\exp(iq.r - i\omega t)$  can propagate in the medium provided

$$q^2 = \epsilon(\omega)\omega^2/c^2 \quad (1) \quad (10/100)$$

- (b) In a simple description the dielectric function of a free-electron gas is given by

$$\epsilon(\omega) = 1 - \omega_p^2/\omega^2 \quad (2)$$

where  $\omega_p = 2\pi f_p$  and  $f_p$  is the plasma frequency. In what part of the electromagnetic spectrum is  $f_p$  for (a) a metal like silver and (b) a doped semiconductor? (10/100)

- (c) Use (2) to sketch the graph of  $\epsilon(\omega)$  as a function of  $\omega/\omega_p$ . (10/100)
- (d) Hence use (1) to draw the dispersion graph,  $\omega/\omega_p$  versus  $cq/\omega_p$ . (10/100)
- (e) Explain with a description of the electromagnetic-field pattern what is meant by a surface polariton (SP) at the interface between vacuum and a dispersive medium. (10/100)
- (f) Assuming the dispersion equation

$$q^2 = \epsilon(\omega) [\epsilon(\omega) + 1]^{-1} (\omega^2/c^2) \quad (3)$$

for the surface polariton identify precisely the frequency range in which the SP appears when the dielectric function is given by (2) and draw the dispersion graph. (20/100)

- (g) Describe the principle of an ATR experiment, distinguishing between the Otto and Raether-Kretschmann configurations, and explain why ATR allows the SP to be detected. (20/100)
- (h) Sketch a typical ATR spectrum in which the SP at the silver-vacuum interface is detected, defining your axes carefully. Relate the spectrum to the dispersion curve. (10/100)